

Mengimbas kembali tahun-tahun menuju kemerdekaan negara, timbul kesedaran dalam kalangan pemimpin dan rakyat Malaysia tentang betapa mustahaknya diadakan satu sistem pendidikan kebangsaan untuk menggantikan sistem pendidikan penjajah bagi memenuhi kehendak negara.

Atas kesedaran inilah lahirnya Dasar Pendidikan Kebangsaan melalui Penyata Razak 1956. Tujuan Penyata Razak yang diilhamkan oleh Tun Abdul Razak Hussein dengan penubuhan Jawatankuasa Pelajaran antaranya termasuklah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan bahasa pengantar di sekolah.

Namun begitu, hakikat yang tidak dapat kita nafikan pada era edakan teknologi maklumat ialah bahasa Melayu terpaksa bergelut di tanah air sendiri untuk bernafas, jauh sekali muncul menjadi bahasa supranasional. Bahasa Melayu umpama "boneka tanpa suara" waima bahasa Melayulah lambang hati diri negara yang sebenar. Musteru, menjadi tanggungjawab

HALA TUJU Sekolah Satu Aliran



besar rakyat Malaysia untuk sama-sama melakukan perubahan terhadap pencapaian dan masa depan bahasa Melayu. Kita tidak mahu bahasa Melayu cuma dianggap sebagai bahasa tempelan oleh generasi muda.

Mengambil contoh terdekat dari negara tetangga seperti Thailand dan Indonesia, sistem persekolahan mereka berasaskan sekolah satu aliran. Ternyata, sekolah satu aliran di negara jiran memberikan penekanan kukuh terhadap wujudnya satu bangsa, satu bahasa dan bibit-bibit perpaduan. Ironinya, para ibu bapa di Malaysia boleh memilih sama ada mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan atau ke sekolah jenis kebangsaan. Tidak ada sesiapa pun yang boleh memaksa atau menghalang mereka untuk membuat keputusan. Walau bagaimanapun, situasi yang wujud sekarang, terdapat ramai dalam kalangan ibu bapa kaum Cina dan India lebih berminat menghantar anak mereka ke sekolah jenis kebangsaan yang berasaskan bahasa ibunda masing-masing. Jika pengasingan pendidikan mengikut kaum ini berterusan, dikhawatiri wujudnya masyarakat yang terpisah antara satu sama lain, lalu mengakibatkan



Pengasingan pendidikan mengikut kaum dikhawatiri menggoyahkan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

suasana yang tidak selamat untuk bahasa pengantar.

Sekolah satu aliran dilihat sebagai medium paling tepat untuk mengangkat peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, sekali gus menampakkkan titik noktah berkaitan polemik bahasa Melayu. Bahkan tokoh pendidik, Tan Sri Ainuddin Wahid pernah menyatakan bahawa sekolah satu aliran sepatutnya dilaksanakan sebelum merdeka lagi seperti yang diusulkan 48 tahun lalu oleh Allahyarham Aminuddin Baki yang menjadi Penasihat Pelajaran Negara. Beliau menjangkakan bahawa masalah perkauman pasti akan timbul kemudian hari berikutan setiap kaum mendapat pendidikan di sekolah berlainan. Jangkaan beliau itu benar-benar menjadi realiti berdasarkan peristiwa yang berlaku sekarang. Jika kita bertegas dari dahulu dan semua kaum sanggup berkorban untuk belajar di bawah bumbung sekolah yang sama, mungkin soal permusuhan antara kaum tidak tercetus, malah bahasa Melayu mampu memainkan peranannya ke tahap yang lebih tinggi.

Pada peringkat sekolah tamsilnya, pelajar Cina dan India yang mendapat pendidikan awal di sekolah jenis kebangsaan masing-masing agak sukar untuk menyesuaikan diri mereka setelah mendapat pendidikan di sekolah menengah. Agak menyedihkan apabila

sebahagian daripada mereka tidak boleh bertutur dan menulis dalam bahasa pengantar, yakni bahasa Melayu. Mereka terpaksa berusaha berlipat kali ganda untuk bersaing, lebih-lebih lagi dengan dunia pendidikan yang menekankan aspek Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Bagi pelajar cemerlang daripada kaum India dan Cina, mereka turut menghadapi masalah besar apabila mendapat keputusan yang kurang memberangsangkan dalam subjek Bahasa Melayu. Keadaan menjadi lebih rumit apabila mereka hanya mampu mencurahkan idea di atas kertas,

namun tidak fasih menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan. Bagi pelajar yang lemah pula, mereka mengambil kesempatan untuk ponteng atau tidur. Apabila siasatan dijalankan oleh guru disiplin, mereka menggunakan alasan tidak memahami komunikasi dan pengajaran guru. Maka wujudlah pelbagai masalah disiplin yang sebenarnya berpunca daripada penguasaan bahasa Melayu yang lemah. Kesempatan ini digunakan oleh mereka untuk menuding kesalahan kepada pihak guru.

Menyedari hakikat ini, kita seharusnya bergerak seiring dengan menggunakan peluang di depan mata menyatakan sepuhnya sokongan untuk merealisasikan sekolah satu aliran. Andai sekolah satu aliran berjaya diwujudkan, yakinilah bahawa sekolah ini tidak akan menimbulkan sebarang masalah dan tidak mungkin mendatangkan impak negatif, sebaliknya mampu mewujudkan hubungan harmoni antara kaum. Malah, kewujudan sekolah satu aliran menjadi pemangkin untuk membentuk peribadi bangsa yang berbangga dengan bahasa pengantar mereka.

Sekolah satu aliran bukan menyekat mana-mana kefahaman, budaya, dan tradisi, malah tidak sama sekali melarang mereka mempelajari bahasa ibunda masing-masing, sebaliknya kesan daripada penubuhan sekolah satu aliran ini, kita mampu menjalankan aktiviti di bawah bumbung yang sama. Sebelum ini, wujud beberapa pihak yang menentang dan

membantah penubuhan Sekolah Wawasan dan menggesa pihak kerajaan agar menarik balik cadangan membina sekolah itu di Subang Jaya, Selangor dan Johor Jaya, Johor. Pihak berkenaan meragui dan hilang keyakinan terhadap sekolah kebangsaan kerana beranggapan bahawa proses pengislahan sedang berlaku sedangkan perkara sebaliknya yang berlaku seperti tabap disiplin semakin merosot. Ternyata usaha murni tersebut dipandang serong oleh pihak tertentu walhal masalah disiplin berkait rapat dengan seseorang individu itu sendiri. Tindakan mereka umpama marahkan nyamuk kelambu dibakar.

Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Dr. Teo Kok Seong, yang juga Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosiobudaya Majlis Profesor Negara menegaskan, sistem pendidikan pelbagai aliran yang diamalkan di Malaysia sekarang jelas terbukti menyebabkan jurang antara kaum semakin melebar selepas 58 tahun negara merdeka. Maka, tidak hairanlah bahasa Inggeris seolah-olah mengambil alih peranan bahasa Melayu. Tegas beliau lagi, belum terlewat untuk kerajaan melakukan perubahan dengan melaksanakan sistem pendidikan satu aliran supaya semua rakyat di negara ini berkongsi aspirasi nasional dan tidak terhad dalam penggunaan bahasa sahaja.

Sedari awal, kita mengakui bahawa sambutan Hari Kebangsaan yang melibatkan pelbagai ras contohnya, tidak mampu meningkatkan perpaduan nasional seperti menggunakan bahasa kebangsaan memandangkan program-program tersebut mungkin melibatkan satu hari, atau paling lama pun hanya sebulan. Oleh hal yang demikian, agak mustahil untuk mewujudkan perpaduan melainkan kita meletakkan peranan sekolah sebagai medan untuk kita bersatu dengan menekankan aspek penggunaan bahasa Melayu. Tidak terlewat apabila dikatakan bahawa kehidupan Baba Nyonya di Melaka yang terkenal dengan identifikasi diri mereka

Sekolah satu aliran turut dilihat sebagai platform terbaik untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Hakikatnya, kita cukup **berbangga** akan kewujudan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang berjaya ditubuhkan tanggal 22 Jun 1956 dan berterusan meletakkan bahasa Melayu pada kedudukan yang sepatutnya.

dengan kaum Melayu seperti dandang sayang, dan berpantun sewajarnya dipuji. Tidak kurang juga dengan kaum Cina di Kelantan yang cukup fasih berbahasa Melayu walaupun mereka mewakili bilangan minoriti.

Sekolah satu aliran turut dilihat sebagai platform terbaik untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Hakikatnya, kita cukup berbangga akan kewujudan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang berjaya ditubuhkan tanggal 22 Jun 1956 dan berterusan meletakkan bahasa Melayu pada kedudukan yang sepatutnya. Kita akur bahawa DBP banyak menyusun, merangka dan merencanakan program pembinaan serta pengembangan bahasa. Perjuangan DBP untuk memartabatkan bahasa Melayu tidak perlu disangkal lagi melalui pelbagai program yang dilaksanakan. Program yang signifikan ini perlu mendapat sokongan padu daripada jentera kepimpinan negara kerana merekalah penggerak dan juga pelaksana penyatuan negara bangsa.

Apabila aspek sekolah satu aliran dibincangkan, agak memeranjatkan apabila

permasalahan ini seolah-olah menjadi isu sensitif. Isu yang berlarutan ini umpama menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus, dan tepung tidak berselerak. Lebih tepat lagi, situasi ini bukanlah menggambarkan masalah bahasa Melayu, sebaliknya masalah pengguna bahasa untuk membetulkan sikap dan persepsi mereka terhadap bahasa Melayu.

Sekolah dilihat sebagai tempat terbaik untuk membentuk jati diri anak-anak. Namun, malangnya, situasi yang berlaku kini ialah anak-anak dipisahkan oleh jurang yang kita wujudkan, iaitu menerusi sekolah aliran masing-masing. Kaum Melayu di sekolah kebangsaan, manakala kaum Cina dan India masing-masing di sekolah jenis kebangsaan. Natiujahnya, hanya yang bersekolah kebangsaan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Sebagai insan yang masih waras akal fikiran, kitalah yang patut membetulkan keadaan ini. Kitalah jua yang harus membetulkan konotasi negatif pihak tertentu agar budaya prejudis dan stereotaip mampu dibendung. Kelebihan sekolah satu aliran harus diuar-uarkan kepada masyarakat secara meluas.

Sudah tiba masanya untuk kita menutup album 13 Mei 1969, perhimpunan BERSIH, Baju Merah dan seumpama dengannya. Bukankah peribahasa Melayu pernah mengungkapkan, melentur buluh biarlah dari rebungnya? Sehubungan dengan hal itu, pelajar sekolah merupakan generasi yang akan memimpin negara suatu masa nanti. Mereka inilah yang perlu diasuh agar memartabatkan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian yang melibatkan semua bangsa dan kaum. Langkah ini juga bertepatan dengan identiti jati diri yang unggul sejajar dengan tuntutan Wawasan 2020.

Secara keseluruhannya, perlu diingat bahawa penubuhan sekolah satu aliran tidak harus berkubur begitu sahaja kerana inilah komponen penting untuk memastikan bahasa Melayu mekar dalam segenap lapisan masyarakat pelajar. Lagikan Col. Harland Sanders, iaitu Pengasas "Kentucky Fried Chicken" (KFC) gagal lebih daripada 1000 kali untuk mendapatkan platform bagi



memperkenalkan ayam hebatnya yang sangat terkenal kini. Begitu juga dengan Thomas Edison, pencipta lampu mentol, ketika di sekolah sering dimarahi oleh gurunya memandangkan dia seorang murid yang kurang cerdik untuk memahami guru. Thomas Edison turut gagal dalam lebih 1000 kali eksperimen untuk mencipta lampu mentol sebelum menjumpai formula sebenar cara menyalakan lampu mentol.

Sudah menjadi kelaziman bahawa kegagalan merupakan sesuatu yang pasti dilalui oleh setiap insan dalam mencapai kejayaan. Perkara utama yang membezakan antara mereka yang berjaya kini dengan mereka yang gagal ialah mereka yang berjaya melihat kegagalan sebagai peluang untuk belajar supaya kegagalan tersebut tidak berulang.

Biarpun banyak suara yang menentang, bukan menjadi satu masalah yang besar* untuk merealisasikan hasrat ini kerana masih ramai lagi pihak mempunyai "niat" yang sama untuk memartabatkan bahasa Melayu. Semoga golongan ulul albab turut merasakan tempas sekolah satu aliran yang banyak mendatangkan kemaslahatan dan perkara yang dicita-citakan menjadi kenyataan.

Tiada kejayaan yang menggunakan jalan pintas umpama hidup seperti ahli silap mata melainkan usaha berterusan yang menuntut kita agar lebih berdaya saing untuk menelusuri ombak globalisasi pada masa kini. P 3